

NARATIF VISUAL KESULTANAN JOHOR LAMA (1511–1699): ANALISIS SEMIOTIK ILUSTRASI LUKISAN DI MUZIUM KOTA TINGGI

VISUAL NARRATIVES OF THE OLD JOHOR SULTANATE (1511–1699): A SEMIOTIC ANALYSIS OF ILLUSTRATIONS AT THE KOTA TINGGI MUSEUM

Mohd Syafiq Bin Zaini¹

¹ Pascasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
(Email: syafiqzaini120398@gmail.com)

Article history

Received date : 20-09-2025
Revised date : 21-09-2025
Accepted date : 12-12-2025
Published date : 15-1-2026

To cite this document:

Zaini, M. S. (2025). Naratif visual Kesultanan Johor Lama (1511–1699): Analisis semiotik ilustrasi lukisan di Muzium Kota Tinggi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 1002 – 1025.

Abstrak: Peranan muzium telah berevolusi daripada sekadar institusi penyimpanan dan pengumpulan objek kepada pusat ilmu yang menyumbang kepada pembangunan pengetahuan dan pendidikan tidak formal. Seiring dengan perubahan ini, interpretasi menjadi aspek penting dalam pembentukan pameran, di mana penyampaian makna tidak lagi bergantung hanya pada label teks dan artifak, tetapi turut diperkaya melalui penggunaan visualisasi. Visualisasi dalam bentuk ilustrasi lukisan berperanan menghidupkan naratif sejarah dengan cara yang lebih imersif, estetik dan komunikatif, sekali gus memberikan peluang kepada pengunjung untuk membina makna berdasarkan pengalaman dan konteks mereka sendiri. Kajian ini meneliti fungsi ilustrasi lukisan sebagai medium interpretasi dalam pameran sejarah di Muzium Kota Tinggi, khususnya dalam mempersembahkan naratif Kesultanan Johor Lama (1511–1699). Analisis dijalankan dengan menggunakan pendekatan semiotik yang menekankan dua dimensi makna, iaitu denotatif dan konotatif, bagi mengenal pasti isi kandungan naratif visual yang dipamerkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa lukisan-lukisan ini bukan sekadar berperanan sebagai karya estetika, tetapi turut mengandungi makna simbolik yang membentuk pemahaman mendalam terhadap aspek politik, ketenteraan, diplomasi, tokoh, serta adat istiadat istana kesultanan Johor. Selain itu, dapatan juga memperlihatkan bagaimana naratif visual tersebut menyokong interpretasi muzium melalui pembinaan pendidikan, pengalaman kognitif, emosi dan reflektif dalam kalangan pengunjung. Kajian ini menegaskan bahawa ilustrasi lukisan mampu menjadi wahana signifikan dalam memperkukuh penyampaian sejarah, di samping memperlihatkan peranan muzium sebagai institusi pedagogi dan wahana wacana budaya yang berkesan.

Kata Kunci: Muzium Kota Tinggi, Analisis Semiotik, Ilustrasi Lukisan, Interpretasi Muzium, Kesultanan Johor Lama, Naratif Visual.

Abstract: The role of museums has evolved from being merely institutions of storage and collection into centers of knowledge that contribute to the development of learning and informal

education. Alongside this transformation, interpretation has become a crucial aspect in exhibition design, where meaning is no longer conveyed solely through text labels and artifacts but is also enriched through the use of visualization. Visualization in the form of illustrative paintings serves to enliven historical narratives in a more immersive, aesthetic, and communicative way, providing visitors with opportunities to construct meaning based on their own experiences and contexts. This study examines the function of illustrative paintings as a medium of interpretation in historical exhibitions at the Kota Tinggi Museum, particularly in presenting the narrative of the Old Johor Sultanate (1511–1699). The analysis adopts a semiotic approach that emphasizes two dimensions of meaning denotative and connotative to identify the visual narrative content presented. The findings reveal that these paintings not only serve as aesthetic works but also contain symbolic meanings that shape a deeper understanding of Sultanate Johor's political, military, diplomatic, leadership, and royal ceremonial traditions. Furthermore, the study shows how these visual narratives support museum interpretation by fostering educational, cognitive, emotional, and reflective experiences among visitors. This study underscores the significance of illustrative paintings as a medium for strengthening historical representation, while highlighting the museum's role as both a pedagogical institution and an effective cultural discourse platform.

Keywords: Kota Tinggi Museum, Semiotic Analysis, Old Johor Sultanate, Illustrative Painting, Museum Interpretation, Visual Narrative.

Pendahuluan

Konsep muzium telah melalui perkembangan besar daripada sekadar ruang penyimpanan koleksi kepada institusi dinamik yang memelihara warisan serta menyampaikan pengetahuan kepada masyarakat. Hooper-Greenhill (2000) menekankan tanggungjawab muzium terhadap penjagaan dan tafsiran objek, Cameron (1971) menyorot fungsinya dalam membentuk memori kolektif, manakala Goode (1985) menenkannya sebagai pusat pengembangan ilmu. Di Malaysia, Abu Talib Ahmad (2008) menegaskan peranan muzium sebagai pelindung warisan dan penyampai versi rasmi sejarah, selari dengan definisi ICOM sebagai institusi tetap, tidak berorientasi keuntungan, yang memberi khidmat melalui pemeliharaan dan pameran bukti tinggalan manusia untuk pendidikan, keseronokkan dan pengalaman.

Selaras dengan matlamat sebagai penjaga warisan, muzium kontemporari kini dilihat semakin giat meneroka pelbagai pendekatan dalam menyampaikan maklumat budaya dan sejarah kepada khalayak. Penyampaian tidak lagi terbatas kepada pameran artifak yang berserta label teks semata-mata. Muzium kini meneroka pelbagai medium visual seperti ilustrasi, video, diorama dan grafik interaktif bagi memperkayakan pengalaman pengunjung (McKew, 2022). Pameran yang kreatif bukan sahaja berfungsi untuk pendidikan tetapi juga hiburan, menjadikan interpretasi visual elemen penting dalam kejayaan muzium. Ini selari dengan pandangan Dean (2002), interpretasi ialah tindakan atau proses menjelaskan, menterjemah, atau menyampaikan pemahaman peribadi tentang subjek atau objek dengan berkesan. Pendekatan ini dapat dilihat pada Muzium Kota Tinggi, Johor, yang menampilkan sejarah Kesultanan Johor Lama (1511–1699) melalui ilustrasi lukisan berasaskan rekod sejarah. Usaha ini membolehkan naratif penting yang sukar ditonjolkan melalui artifak fizikal dizahirkan secara lebih sistematik dan bermakna dalam bentuk paparan visual lukisan.

Walaupun muzium kontemporari semakin meneroka medium visual dalam pameran, masih terdapat jurang penyelidikan dalam pengkhususan muzium sejarah yang menempatkan visual

sebagai medium utama penyampaian naratif sejarah. Walaupun fungsi interpretasi telah banyak dibincangkan dari sudut teori, persoalan tentang bagaimana elemen visual membantu menyokong dan memperkukuh penyampaian naratif sejarah dalam pameran muzium belum banyak diterokai secara empirik. Tambahan pula, potensi ilustrasi sebagai naratif visual yang berperanan dalam memperkaya interpretasi muzium juga belum dikaji secara menyeluruh dalam konteks warisan tempatan. Kebanyakan muzium sejarah hanya menggunakan ilustrasi atau gambar sebagai elemen latar atau hiasan, sehingga potensi ilustrasi untuk membina dan menyampaikan makna sejarah yang kompleks tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Muzium Kota Tinggi dianggap unik kerana menempatkan ilustrasi lukisan berasaskan sumber primer sebagai kaedah utama menghidupkan naratif Kesultanan Johor Lama, bukan sekadar sebagai latar pameran. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara terperinci bagaimana ilustrasi lukisan di Muzium Kota Tinggi berfungsi sebagai naratif visual yang konstruktif dan interpretatif dalam penyampaian sejarah.

Berdasarkan latar ini, kajian ini dijalankan bagi meneliti bagaimana pendekatan ilustrasi lukisan digunakan oleh Muzium Kota Tinggi dalam menyampaikan naratif sejarah Kesultanan Johor Lama (1511–1699) secara visual dan berkesan. Oleh itu, kajian ini mengemukakan dua persoalan utama, iaitu apakah isi kandungan naratif visual Kesultanan Johor Lama (1511–1699) yang dapat dikenal pasti melalui analisis denotatif dan konotatif terhadap ilustrasi lukisan di Muzium Kota Tinggi? dan bagaimanakah ilustrasi lukisan tersebut berperanan sebagai naratif visual yang menyokong serta memperkukuh interpretasi muzium dalam menyampaikan sejarah Kesultanan Johor Lama (1511–1699)? Selaras dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti isi kandungan naratif visual Kesultanan Johor Lama (1511–1699) melalui analisis denotatif dan konotatif terhadap ilustrasi lukisan di Muzium Kota Tinggi. Objektif kedua ialah menilai fungsi ilustrasi lukisan sebagai naratif visual yang memperkukuh interpretasi muzium dalam menyampaikan sejarah Kesultanan Johor Lama (1511–1699).

Metodologi

Kajian ini menggabungkan pendekatan empirik dan deskriptif. Pendekatan empirik melibatkan kajian kepustakaan dan arkib melalui sumber primer dan sekunder berkaitan muzium, museologi, Kesultanan Johor serta Muzium Kota Tinggi. Pendekatan deskriptif pula dijalankan melalui kerja lapangan seperti pengamatan langsung, rakaman foto, lakaran, dan temu bual bersama kakitangan muzium. Data dianalisis secara kualitatif melalui analisis kandungan dan interpretasi. Sumber kepustakaan diteliti dari segi tema, konsep, dan prinsip ilustrasi sebagai medium interpretasi, manakala data lapangan dianalisis secara deskriptif-kritis untuk menilai peranan ilustrasi dalam menyampaikan naratif Kesultanan Johor Lama (1511–1699). Hasil kedua-dua analisis disintesis bagi menghasilkan tafsiran menyeluruh tentang fungsi visualisasi dalam menyokong pameran Muzium Kota Tinggi.

Pemilihan lukisan untuk dianalisis dibuat berdasarkan kriteria yang jelas yakni hanya lukisan yang secara nyata memvisualkan aspek-aspek penting sejarah Kesultanan Johor Lama (1511–1699) dipilih serta lukisan tersebut mestilah dihasilkan atau direka semula dengan rujukan kepada sumber primer sejarah yang sahih (Sulalatus Salatin, Tuhfat Al-Nafis, Sejarah Johor dan lain-lain). Kemudian dijalankan analisis denotatif yakni meneliti deskripsi unsur luaran yang nyata seperti gaya, komposisi, watak, pakaian, peralatan, ekspresi, gerak tubuh, perspektif dan elemen teknikal. Diikuti analisis konotatif untuk mentafsir makna tersirat seperti simbolisme warna, atribut kuasa, penempatan objek dan metafora budaya. Semua tafsiran konotatif disilang semak dengan sumber sejarah (arkib, kronik, kajian sekunder) dan data temu bual dengan kakitangan muzium untuk mengesahkan niat kuratorial. Akhir sekali, analisis

kandungan kualitatif digunakan untuk mengenal pasti naratif berulang (contohnya kuasa politik, perdagangan, ritual, konflik) dan melalui triangulasi data (visual, arkib, foto/lakaran, temu bual) dihubungkan dengan konteks sejarah serta praktik pameran untuk menjelaskan bagaimana ilustrasi membina dan menyampaikan makna sejarah di Muzium Kota Tinggi.

Interpretasi Visual Dalam Konteks Muzium Sejarah

Freeman Tilden (1957) menempatkan interpretasi sebagai aktiviti pendidikan yang menekankan pendedahan makna dan hubungan melalui objek dan media ilustratif, bukan sekadar fakta tetapi satu asas penting bagi penggunaan visual dalam muzium. Hooper-Greenhill (2000), dan Hein (1998) pula mengembangkan idea ini ke arah peranan muzium sebagai institusi pedagogi di mana pengunjung diberi ruang untuk membina makna sendiri. Kedua-dua pandangan ini menegaskan bahawa ilustrasi bukan sekadar hiasan tetapi alat pedagogi yang mampu menghubungkan naratif sejarah dengan pengalaman pembelajaran pengunjung. Namun, perspektif praktikal dari kajian pengunjung menunjukkan fokus yang berbeza oleh Bitgood (2013) dan Trofanenko (2011) menekankan peranan visual dalam menangkap dan mengekalkan perhatian pengunjung, manakala Serrell (1996) memberi perhatian kepada fungsi label dan teks interpretatif sebagai pelengkap visual, dan Trofanenko mengingatkan agar aspek emosi dan cabaran pedagogi pada sejarah yang sukar tidak diabaikan. Dari sudut new museology, Desvallées dan Mairesse (2009) melihat visual sebagai wacana budaya yang memancarkan identiti dan naratif yang lebih luas, menunjukkan bahawa pilihan visual juga melibatkan pertimbangan kuasa, identiti dan naratif nasional

Untuk memperkukuh analisis dan menghasilkan penilaian yang lebih menyeluruh, kajian ini menggunakan beberapa lensa tambahan. Model pengalaman pengunjung oleh Falk dan Dierking (1992), digunakan untuk memahami bagaimana konteks peribadi, sosial dan fizikal mempengaruhi cara pengunjung mentafsir ilustrasi. Pada masa yang sama, kritikan sosiopolitik oleh Tony Bennett (1995) membantu menilai sama ada pameran dan ilustrasi muzium cenderung mengukuhkan struktur kuasa dan naratif rasmi. Pandangan Kirshenblatt-Gimblett (1998) pula menegaskan bahawa visualisasi warisan merupakan satu bentuk pementasan budaya, di mana makna dipilih dan dibentuk untuk audiens tertentu. Dengan menggabungkan perspektif pedagogi, reka bentuk pameran, pengalaman pengunjung serta analisis kritikal terhadap identiti dan kuasa, kajian ini dapat menilai sama ada ilustrasi di Muzium Kota Tinggi berupaya membuka ruang kepada pelbagai tafsiran sejarah atau sekadar mengukuhkan naratif yang telah ditetapkan. Secara ringkas, lukisan dalam pameran muzium dapat dianggap sebagai komponen interpretatif yang strategik, kerana ia menjadikan sejarah lebih mudah diakses, inklusif, dan bermakna.

Visualisasi Sejarah dalam Pameran Muzium Kota Tinggi

Muzium Kota Tinggi, siap dibina pada 1999 dan dibuka pada 30 Ogos 2002 di bawah kelolaan Yayasan Warisan Johor (YWJ), ditubuhkan khusus untuk memelihara serta mempamerkan warisan negeri Johor, khususnya di daerah Kota Tinggi. Galerinya menampilkan naratif sejarah melalui pelbagai medium, namun keunikan utamanya ialah penggunaan ilustrasi lukisan berasaskan sumber catatan sejarah primer dan sekunder, menjadikannya berbeza daripada kebanyakan muzium lain yang masih bergantung pada artifak dan label teks.

Muzium ini mengadaptasi konsep pameran galeri, iaitu ruang khusus yang menekankan koleksi secara minimalis, memberi tumpuan penuh kepada objek yang disusun berbanding pendekatan diorama yang lazim digunakan oleh muzium sejarah lain. Lukisan di Muzium Kota Tinggi berfungsi bukan untuk apresiasi seni semata-mata, tetapi sebagai medium utama


mempersembahkan naratif visual Kesultanan Johor Lama (1511–1699), agar peristiwa, tokoh dan budaya dapat difahami secara lebih jelas oleh pengunjung. Ilustrasi ini dihasilkan berasaskan teks sejarah tradisional seperti Sejarah Melayu Sulalatus Salatin, Hikayat Raja-Raja Pasai, Hikayat Siak, Sejarah Johor, dan Tuhfat al-Nafis. Ia turut disokong oleh kajian akademik kontemporari termasuk penyelidikan Allahyarham Lt. Kol. Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi Mohd Basri yang turut menjadi konsultan utama muzium (Kamarudin Ab. Razak, 2005). YWJ memulakan projek dengan menyaring petikan signifikan daripada sumber primer untuk membentuk draf awal, yang disahkan melalui sesi perbincangan bersama jawatankuasa tertinggi sebelum diserahkan kepada pelukis terpilih melalui tender terbuka (Murnira, 2024).



Foto 1: Bangunan dan Ruang Pameran Muzium Kota Tinggi


Sumber: Kajian Lapangan.

Daripada 66 lakaran draf, sebanyak 44 dipilih untuk dikembangkan, dan akhirnya 42 lukisan dipamerkan di ruang galeri secara tersusun mengikut kronologi sejarah. Tujuh menggunakan teknik dakwat di atas papan, manakala 32 dihasilkan dengan medium akrilik di atas kanvas. Tiga lakaran kasar turut dipamerkan sebagai sokongan visual. Medium dakwat menonjolkan ketelitian teknikal dengan perincian halus suasana sejarah, sementara akrilik menampilkan ekspresi lebih hidup melalui warna yang terang dan bertenaga, menghidupkan kembali emosi serta peristiwa penting era Kesultanan Johor Lama (1511–1699).




Rajah 1: Pelan Lantai Baru Galeri Muzium Kota Tinggi (Aras Bawah).

Sumber: Koleksi Peribadi




Rajah 2: Pelan Lantai Baru Galeri Muzium Kota Tinggi (Aras Satu).

Sumber: Koleksi Peribadi



Rajah 3: Aliran Pergerakan Bagi Pameran Ilustrasi Lukisan (Aras Bawah).

Sumber: Koleksi Peribadi.



Rajah 4: Aliran Pergerakan Bagi Pameran Ilustrasi Lukisan (Aras Satu).

Sumber: Koleksi Peribadi.

Hasil pemerhatian menunjukkan pameran lukisan di Muzium Kota Tinggi dapat dibahagikan kepada enam aspek utama yang diketengahkan dalam naratif pemerintahan Kesultanan Johor Lama antara 1511 hingga 1699. Beberapa peristiwa penting ini divisualkan, meskipun tidak merangkumi keseluruhan peristiwa sepanjang tempoh tersebut. Oleh itu, bahagian ini meneliti dan menganalisis setiap peristiwa tersebut, termasuk maklumat visual dan sejarah yang disampaikan melalui ilustrasi. Jadual 1 berikut memperlihatkan pembahagian aspek utama yang diketengahkan secara keseluruhan.

Jadual 1: Aspek-aspek yang Diketengahkan Pameran Ilustrasi Lukisan.

Bil.	Peristiwa Penting	Bilangan Lukisan
1.	Sejarah Awal Johor	1
2.	Keupayaan Bersaing dengan Kuasa Luar	14
3.	Struktur Pemerintahan dan Pemerintahan yang Tersusun	10
4.	Hubungan Diplomatik yang Terancang	7
5.	Tokoh dan Pahlawan Melayu Johor	3
6.	Adat Istiadat dan Alat-alat Kebesaran Diraja Johor	7

Sumber: Kajian Lapangan.

Analisis Visual Lukisan Sejarah Kesultanan Johor Lama (1511 – 1699)

Analisis lukisan di Muzium Kota Tinggi dijalankan melalui pendekatan semiotik dengan meneliti makna denotatif (apa yang terlihat seperti figura, latar, objek dan aksi) serta konotatif (tafsiran simbolik, mesej dan ideologi). Pendekatan ini membolehkan kajian menyingkap bagaimana ilustrasi berfungsi sebagai medium naratif yang menyampaikan kisah perjuangan, kekuasaan dan jatuh bangun Kesultanan Johor Lama (1511–1699) kepada khalayak muzium secara lebih bermakna.

Sejarah Awal Negeri Johor

Sejarah Johor mendahului kewujudan Kesultanan Johor pada 1528 dengan pertapakan Sultan Alauddin Riayat Shah II di Pekan Tua. Tradisi seperti Sulalatus Salatin mengisahkan pertembungan Raja Suran dan Raja Chulan di hulu Sungai Johor, manakala sumber lain seperti *Negarakertagama* (1365), *Kot Mont'ien Ban* (1358), serta Hikayat Raja-Raja Pasai turut menyebut kawasan selatan Semenanjung sebagai wilayah penting sejak abad ke-14 (Buyong Adil, 2020; A. Samad Ahmad, 2008). Hal ini menegaskan bahawa Johor tidak muncul secara tiba-tiba pasca kejatuhan Melaka 1511, tetapi mempunyai akar sejarah yang berakar daripada interaksi kuasa serantau seperti Majapahit dan Siam. Penemuan arkeologi di Johor turut menyokong kewujudan penempatan awal. Dalam konteks ini, lukisan pertempuran Raja Chulan dengan Raja Suran di Sungai Pangkal menjadi naratif visual yang menekankan akar sejarah Johor.

Dari segi denotatif, lukisan memperlihatkan pertembungan dramatik dua raja di atas gajah perang, dengan tentera panah, lembing, pedang, dan tombak mengerumuni medan yang huru-hara. Kilauan senjata, debu berterbangan, serta tubuh bergelimpangan menggambarkan sengitnya pertempuran, sementara latar sungai menandakan kepentingan kawasan tersebut sebagai ruang strategik. Secara konotatif, gajah melambangkan kuasa, kemegahan dan legitimasi politik, manakala pertembungan mereka menjadi metafora persaingan kuasa besar di rantau ini. Sifat gajah yang kuat dan besar dianggap sebagai simbol ‘orang yang berkuasa’ (Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli & Maizura Osman, 2023). Kemudian, suasana perang yang kacau menggambarkan Johor sebagai gelanggang perebutan geopolitik sejak awal. Sungai Johor pula berfungsi sebagai simbol nadi kehidupan dan laluan strategik perdagangan serta konflik.

Keseluruhannya, ilustrasi ini memperkenalkan pengunjung kepada akar sejarah Johor yang lebih panjang daripada sekadar kelahiran Kesultanan Johor Lama. Ia menghubungkan naratif

epik dengan sumber sejarah, sekali gus menegaskan kedudukan Johor sebagai wilayah penting dalam jaringan kuasa Nusantara sebelum 1528.

Keupayaan Bersaing dengan Kuasa Luar

Peperangan merupakan faktor penting dalam menguji ketahanan kerajaan Melayu, termasuk Kesultanan Johor Lama pada abad ke-16 dan ke-17. Ia bukan sahaja menjadi lambang kekuatan politik tetapi juga membentuk corak sosial, ekonomi, dan kelangsungan kerajaan (Muhammad Yusoff, 1993; Mardiana Nordin, 2008). Selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, Kesultanan Johor mewarisi tradisi politik dan kebudayaan Melayu Melaka, namun pada masa sama berdepan cabaran besar sebagai kuasa serantau yang terletak di Selat Melaka. Kedudukan strategik ini menjadikan Kerajaan Johor Lama (1511–1699) berkonflik dengan Portugis, Aceh, Belanda, dan Jambi, melibatkan bukan sekadar perebutan wilayah tetapi juga perdagangan dan pengaruh geopolitik. Siri peperangan seperti cubaan menawan semula Melaka, konflik berpanjangan dengan Aceh, perseteruan dengan Jambi, serta Perang Tiga Segi Johor–Aceh–Portugis menunjukkan daya tahan kerajaan Johor dalam mempertahankan kedaulatan dan pengaruhnya.



Foto 2 : Himpunan Lukisan Ilustrasi Memaparkan Keupayaan Kesultanan Johor Lama Bersaing dengan Kuasa Luar

Sumber: Kajian Lapangan.

Sebanyak 14 ilustrasi di Muzium Kota Tinggi merakamkan peristiwa ini. Dari segi denotatif, ia memperlihatkan adegan pertempuran laut dan darat, serangan ke atas kubu, penangkapan sultan dan pembesar, penderitaan rakyat, serta pakatan strategik Kesultanan Johor Lama (lukisan 2 hingga 15). Kapal besar Portugis berhadapan perahu kecil Johor, dentuman meriam berselang-seli, manakala di darat gajah turut dilibatkan sebagai simbol kekuatan, pahlawan Melayu bertempur dengan kuasa luar dengan hunusan keris, tombak dan panah. Figura utama yang digambarkan termasuk Sultan, Laksamana, dan pahlawan Melayu. Sultan tampil menonjol sebagai perancang strategi dan penaung kedaulatan, contohnya dalam ilustrasi Sultan Mahmud Shah I mengarahkan pembinaan kota di Pekan Tua. Dari sudut denotatif, ia memperlihatkan penglibatan langsung baginda dalam usaha membina kota baharu sebagai pusat pentadbiran dan pertahanan. Pada tahap konotatif, ia membawa makna simbolik tentang kebijaksanaan dan kesedaran kepimpinan Kesultanan Johor Lama (1511–1699) bahawa keutuhan kota merupakan benteng utama dalam mengekalkan kedaulatan, sekali gus menzahirkan usaha berterusan untuk memulihkan kekuatan selepas kejatuhan Melaka. Ia tidak hanya mencerminkan kegagalan sementara, tetapi menjadi simbol daya tahan, kesinambungan dan pemulihan. Makna ini menegaskan bahawa naratif Kesultanan Johor bukan hanya tentang kemenangan atau kekalahan semata-mata, tetapi tentang kesinambungan perjuangan dalam tempoh yang panjang antara tahun 1511 hingga 1699

Peranan Laksamana ditampilkan sebagai panglima laut yang merancang taktik, mengetuai armada dan menjadi tunjang dalam serangan balas, manakala pahlawan Melayu digambarkan dengan wajah tegang dan tubuh mara tanpa gentar, lambang kesetiaan dan keberanian mempertahankan tanah air. Dalam ilustrasi pertembungan Johor–Portugis, perbezaan kelengkapan ketenteraan amat jelas, askar Portugis dilukis lengkap dengan senjata api moden, meriam dan perisai besi, sedangkan pahlawan Johor menggunakan keris, tombak dan perisai tradisional. Walaupun begitu, catatan sejarah turut merekodkan penggunaan meriam oleh Kesultanan Johor Lama (1511–1699), termasuk pada kapal perang dan kota pertahanan. Ini dapat dilihat pada sebahagian ilustrasi yang menampilkan elemen ini sebagai bukti kewujudan teknologi senjata api.

Pada aras konotatif, lukisan-lukisan ini melampaui gambaran peperangan semata-mata. Ia menzahirkan makna identiti, maruah, dan ketahanan bangsa Melayu-Johor dalam menghadapi tekanan kuasa asing yang lebih moden. Perahu kecil Johor yang mengempur kapal besar Portugis (2, 3, 4, 8, dan 10), boleh ditafsirkan sebagai simbol semangat juang dan keberanian rakyat tempatan walaupun berdepan jurang teknologi. Begitu juga adegan rakyat berundur ke Batu Sawar selepas serangan 1587, yang menggambarkan penderitaan dan trauma kolektif, namun pada masa sama menegaskan ketabahan serta kebangkitan semula. Batu Sawar menjadi simbol kesinambungan sejarah Johor biarpun kota asal musnah.

Lukisan penangkapan Sultan Alauddin Riayat Shah III dan pembesar Johor oleh Aceh menyingkap sisi rapuh kedaulatan Johor dalam percaturan geopolitik Nusantara, menekankan bahawa ancaman terhadap Johor bukan sahaja datang daripada Barat, tetapi juga dari kuasa serantau lain seperti Aceh dan Jambi. Sebaliknya, ilustrasi pakatan Johor–Belanda mengepung Melaka pada 1640–1641 membawa makna diplomasi bijak, di mana Johor berjaya memanfaatkan sokongan kuasa luar untuk mengakhiri penjajahan Portugis selama 130 tahun ke atas Melaka.

Keseluruhannya, segmen ini menampilkan naratif visual tentang peperangan yang lebih luas daripada sekadar konflik ketenteraan. Ia mengungkap daya tahan, strategi, dan kebijaksanaan

politik Johor dalam berdepan kuasa besar. Lukisan-lukisan ini menyerlahkan bahawa kekuatan Kesultanan Johor Lama (1511–1699) bukan sahaja terletak pada senjata, tetapi juga pada kemampuan kepimpinan, mengolah strategi, membina pakatan, dan mengekalkan identiti serta kedaulatan bangsa. Dengan itu, pameran ini menegaskan kesinambungan warisan Kesultanan Melayu Melaka melalui daya tahan Kesultanan Johor Lama (1511–1699) di tengah cabaran geopolitik abad ke-16 dan ke-17.

Struktur Pemerintahan dan Pentadbiran yang Tersusun

Selain peperangan, siri lukisan di Muzium Kota Tinggi turut menonjolkan keutuhan struktur pemerintahan Kesultanan Johor Lama (1511–1699) yang berakar daripada warisan Kesultanan Melaka. Sultan berperanan sebagai simbol kedaulatan dan pusat kuasa, manakala kekayaan hasil perdagangan, rampasan perang dan kawalan keselamatan perairan mengukuhkan lagi pemerintahan Johor (Andaya, 1987). Pentadbiran berfungsi melalui Sistem Pembesar Empat Lipatan merangkumi Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana, yang melicinkan urusan undang-undang, keselamatan, pelabuhan dan adat istiadat.



Foto 3 : Himpunan Lukisan Ilustrasi Memaparkan Struktur Pemerintahan dan Pentadbiran Kesultanan Johor Lama yang Tersusun

Sumber: Kajian Lapangan.

Hal ini divisualkan melalui beberapa lukisan. Lukisan 16 menggambarkan Sultan Alauddin Riayat Syah III yang tenggelam dalam hiburan istana. Dari sudut denotatif, baginda ditampilkan dalam suasana santai, dikelilingi penghibur, manakala pembesar sekadar menjadi pemerhati. Dari sudut konotatif, ia melambangkan kelemahan kepimpinan seorang raja yang lalai, serta mesej bahawa kedaulatan seorang Sultan bergantung pada keupayaan memimpin kerajaan dengan berkesan. Sebaliknya, lukisan 17 menampilkan Raja Abdullah dan Tun Sri Lanang sebagai pemerintah *de facto*, menyandang peranan Sultan Alauddin Riayat Syah III sebagai pemerintah kerajaan. Denotatifnya, kedua-dua tokoh digambarkan sibuk dengan urusan rasmi, konotatifnya pula menunjukkan bahawa sistem Kesultanan Johor Lama (1511–1699) tidak bergantung semata-mata kepada Sultan. Bendahara, khususnya Tun Sri Lanang, melambangkan

kebijaksanaan dalam memastikan kelangsungan pentadbiran, manakala Raja Abdullah menegaskan perkongsian kuasa antara kerabat diraja dan pembesar

Kedua-dua lukisan ini menegaskan bahawa kekuatan Johor bergantung bukan sahaja pada Sultan, tetapi juga pada sistem pentadbiran yang tersusun, yang membolehkan kuasa diagihkan bagi menjamin kestabilan. Visual ini membawa mesej bahawa kesinambungan kerajaan terletak pada kerjasama antara Sultan dan para pembesar membantu menutup kelompangan kerajaan yang ada.

Naratif ini diperluas dalam lukisan 18 hingga lukisan 25, yang memaparkan pusat-pusat pemerintahan Johor sebagai kota lengkap dan teratur. Secara denotatifnya, kota ditampilkan megah di tebing Sungai Johor, dikelilingi perkampungan, benteng kayu, serta perahu yang lalu-lalang. Latar ini menegaskan kepentingan sungai sebagai nadi kehidupan, laluan perdagangan dan pertahanan strategik. Pelabuhan Batu Sawar digambarkan sebagai pusat perdagangan antarabangsa dengan kapal Eropah, Asia dan tempatan berlabuh. Gambaran dermaga sibuk dengan aktiviti memunggah hasil bumi, kayu, dan barangan dagangan. Pedagang asing, termasuk dari China, ditampilkan berinteraksi dengan saudagar tempatan, memperlihatkan keterbukaan Kesultanan Johor dalam hubungan diplomatik perdagangan.

Sistem percukaian turut divisualisasikan melalui adegan pedagang asing membayar cukai kepada pegawai Johor. Denotatifnya, ia menggambarkan urusan niaga rasmi dengan wang syiling tersusun, manakala konotatifnya menunjukkan sistem kewangan perdagangan yang sistematik, cekap, dan mampu menarik pedagang asing. Hal ini melambangkan kerajaan Johor bukan sahaja pewaris genealogis Melaka, tetapi juga pewaris sah dari segi kebijaksanaan ekonomi perdagangan dan pentadbiran.

Secara konotatif, visual-visual dari lukisan ini membawa tiga mesej utama. Pertama, kesetiaan rakyat dan pembesar memastikan kota terus hidup meskipun kerajaan Johor sering berpindah pusat pemerintahan. Kedua, penempatan kota di tebing sungai menegaskan sungai sebagai metafora kesinambungan kuasa dan kelangsungan hidup. Ketiga, pelabuhan dan percukaian menggambarkan Johor sebagai kerajaan yang cekap mengurus ekonomi serantau serta setara dengan Kesultanan Melaka dalam menarik perdagangan antarabangsa. Tambahan pula, interaksi dengan pedagang asing menegaskan keterbukaan Johor terhadap dunia luar, sementara kestabilan pentadbiran melambangkan kebijaksanaan politik dalam menyeimbangkan kuasa dalaman dan hubungan antarabangsa.

Keseluruhannya, aspek peristiwa ini menegaskan bahawa Johor tidak hanya bertahan melalui peperangan, tetapi juga melalui pentadbiran teratur, ekonomi berstruktur, serta simbolisme kuasa Sultan. Lukisan-lukisan tersebut menampilkan Kesultanan Johor Lama (1511–1699) sebagai kerajaan yang adaptif, terbuka kepada dunia luar, dan berjaya membina semula kegemilangan Alam Melayu di tengah cabaran geopolitik serantau.

Tokoh dan Pahlawan Melayu Johor

Era Kesultanan Johor Lama (1511–1699) tidak hanya disandarkan pada kepimpinan para Sultan, tetapi turut diperkukuh oleh tokoh dan pahlawan yang mempertahankan kedaulatan serta memajukan kerajaan. Muzium Kota Tinggi menampilkan tiga sosok utama iaitu Bendahara Tun Sri Lanang, Laksamana Tun Abdul Jamil, dan Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid, masing-masing mewakili keunggulan dalam bidang intelektual, ketenteraan, dan diplomasi.




Foto 4: Himpunan Lukisan Ilustrasi Memaparkan Tokoh dan Pahlawan Melayu Johor
Sumber: Kajian Lapangan.

Dari segi denotatif, ilustrasi pertama menampilkan Tun Sri Lanang sedang menulis karya historiografi agung Sulalatus Salatin, dikelilingi pembesar yang turut mencatat. Ilustrasi kedua pula memperlihatkan ketibaan kapal Belanda pimpinan Jacon Van Heemskerck pada 1602, disambut Raja Abdullah bersama Tun Habib Abdul Majid serta para pembesar, menggambarkan suasana diplomatik dan perdagangan antarabangsa. Ilustrasi ketiga menggambarkan peperangan laut sengit di mana armada Johor–Belanda di bawah pimpinan Tun Abdul Jamil menentang Portugis, dengan kapal terbakar dan suasana hiruk-pikuk pertempuran.

Pada aras konotatif, Tun Sri Lanang melambangkan kekuatan ilmu yang meletakkan Johor sebagai pusat intelektual dan memori sejarah bangsa. Tun Abdul Jamil pula mewakili keberanian dan keteguhan ketenteraan Johor sebagai kuasa maritim yang berdaya tahan menghadapi ancaman asing. Sementara itu, Tun Habib Abdul Majid mencerminkan kebijaksanaan politik Johor dalam menjalin hubungan diplomatik dan strategi perdagangan antarabangsa demi kesinambungan kerajaan.

Paparan tiga tokoh ini menegaskan bahawa kegemilangan Johor adalah hasil kepimpinan yang seimbang yakni pena Tun Sri Lanang, keberanian Laksamana Tun Abdul Jamil, dan diplomasi Tun Habib Abdul Majid. Kesinambungan peranan mereka membentuk naratif Johor Lama sebagai kerajaan berdaulat dan kuasa serantau berpengaruh di Alam Melayu.

Hubungan Diplomatik yang Terancang

Kesultanan Johor Lama (1511–1699) turut memperkukuh kedudukannya melalui hubungan diplomatik yang terancang. Diplomasi difahami sebagai jaringan interaksi rasmi berasaskan kepercayaan, kesepakatan dan kepentingan bersama (Salmah, 2017). Bagi Kesultanan Johor Lama (1511–1699), strategi ini berperanan bukan sahaja dalam memperluas pengaruh politik dan ekonomi, tetapi juga sebagai benteng menghadapi cabaran ketenteraan kuasa luar. Hal ini

membuktikan kerajaan Johor bukan kerajaan terasing, sebaliknya aktif membina pakatan dengan kuasa serantau dan asing melalui perkahwinan diraja, kerjasama perdagangan, mahupun perjanjian ketenteraan.



Foto 5 : Himpunan Lukisan Ilustrasi Memaparkan Hubungan Diplomatik yang Terancang Kesultanan Johor Lama Dengan Kuasa Luar

Sumber: Kajian Lapangan.

Di Galeri Muzium Kota Tinggi, aspek ini divisualisasikan melalui beberapa ilustrasi penting. Dari segi denotatif, lukisan Portugis menyambut Sultan Muzaffar Shah II di Melaka menampilkan suasana istiadat penuh meriah, dengan barisan Portugis memberi penghormatan kepada Sultan. Seterusnya, ilustrasi Kedatangan Belanda di Batu Sawar menggambarkan wakil Belanda disambut dengan suasana mesra serta, diterima Sultan dan para pembesar di pelabuhan Batu Sawar. Adegan Perjanjian di atas kapal Oranje (1606) pula memperlihatkan Raja Abdullah berunding dengan Admiral Matelief. Manakala ilustrasi Keakraban Johor–Belanda menonjolkan suasana jamuan rasmi di istana dengan muzik dan tarian. Selain itu, ilustrasi Kedatangan Pembesar Perancis 1681 memaparkan wakil Perancis menyerahkan surat dan hadiah kepada Sultan Ibrahim, sementara Jalinan Hubungan Johor–Siam memperlihatkan wakil Siam tunduk hormat di hadapan singgahsana sambil membawa persembahan.

Pada tahap konotatif, setiap ilustrasi tersebut membawa mesej politik yang mendalam. Sambutan Portugis terhadap Sultan melambangkan fleksibiliti Kesultanan Johor dalam membina pakatan strategik demi mengimbangi ancaman Aceh pada ketika itu. Lukisan-lukisan Johor–Belanda menegaskan kedudukan Kesultanan Johor Lama sebagai rakan setara, walaupun Belanda muncul dengan dominasi maritim, mereka tetap tunduk kepada protokol Melayu. Adegan rundingan di kapal *Oranje* menandakan kerajaan Johor diiktiraf dalam gelanggang antarabangsa untuk jalinan kerjasama, manakala jamuan istana menggambarkan diplomasi yang melangkaui perang, merangkumi budaya, protokol, dan persahabatan. Hubungan dengan Perancis pula melambangkan pengiktirafan antarabangsa, sementara hubungan dengan Siam menonjolkan kerajaan Johor sebagai kuasa serantau penting yang sokongannya diperlukan pasca serangan Jambi.

Secara keseluruhan, lukisan-lukisan ini menegaskan bahawa diplomasi Kesultanan Johor Lama (1511–1699) adalah hasil strategi terancang, bukannya sekadar hubungan pasif. Sultan dan para pembesar ditampilkan sebagai arkitek diplomasi yang bijaksana, berjaya menyeimbangkan tekanan kuasa besar, memanfaatkan sokongan luar, dan tetap mengekalkan kedaulatan serta adat istiadat Melayu. Melalui denotasi visual pertemuan dan sambutan, serta konotasi makna

legitimasi dan pengiktirafan antarabangsa, diplomasi terbukti menjadi nadi kelangsungan dan kegemilangan Kesultanan Johor Lama (1511–1699).

Adat Istiadat dan Alat-alat Kebesaran Diraja

Pameran lukisan di Muzium Kota Tinggi turut menonjolkan adat istiadat serta penggunaan alat kebesaran diraja yang menjadi asas legitimasi politik dan budaya Kesultanan Johor Lama (1511–1699). Melalui upacara pertabalan, pelantikan pembesar, serta perarakan rasmi, kedaulatan Sultan dizahirkan, manakala alat kebesaran seperti keris, payung kuning, busana kuning, gajah diraja dan nobat berfungsi sebagai simbol kuasa.



Foto 6: Himpunan Lukisan Ilustrasi Memaparkan Adat Istiadat dan Alat-alat Kebesaran Diraja

Sumber: Kajian Lapangan.

Dari sudut denotatif, ilustrasi memaparkan adegan pertabalan Sultan di balairung seri, baginda mengangkat keris pusaka ke wajah sebagai tanda kedaulatan. Lukisan lain menonjolkan keberangkatan Sultan Mahmud Shah II menaiki gajah diraja, diiringi payung kuning, pembesar, serta rakyat jelata. Paparan pelantikan Tun Sri Lanang sebagai Bendahara pula menampilkan detik Sultan menyerahkan keris pusaka sebagai tanda legitimasi dan adat pertabalan. Kehadiran pemain nobat dengan nafiri, serunai, dan gendang memperkukuh suasana sakral dalam istiadat.


Pada tahap konotatif, ilustrasi-ilustrasi ini bukan sekadar menggambarkan adat rasmi, tetapi sarat makna simbolik. Seperti dicatat oleh Sheppard (1958): *“The Malay word for installation of a Malay Ruler is ‘Pertabalan’, derived from the word ‘Tabal’, a royal drum. In olden days the word ‘Nobatkan’”* (Sheppard, 1958). Sejak abad ke-15, nobat menjadi unsur penting yang mengabsahkan kuasa seorang raja. Tanpa nobat, pertabalan dianggap tidak sah. Tindakan Sultan mengangkat keris pusaka melambangkan kesinambungan warisan Melaka, manakala payung kuning menegaskan kedudukan raja sebagai lambang kemuliaan dan kekuasaan (Kobku, 1988, Nurizzati, 2004). Gajah diraja pula melambangkan kekuatan dan martabat, sementara kehadiran rakyat dalam adegan perarakan memperlihatkan bahawa adat istiadat bukan hanya milik istana, tetapi turut dikongsi oleh masyarakat dalam mengabsahkan kuasa Sultan.

Secara keseluruhan, visual adat istiadat dan alat kebesaran ini menekankan bahawa unsur seperti keris pusaka, nobat, payung kuning, dan gajah diraja bukan sekadar hiasan, tetapi lambang kedaulatan yang mengikat hubungan istana dengan rakyat. Tradisi ini membuktikan

kesinambungan warisan politik Melayu yang masih diamalkan hingga kini, termasuk dalam pertabalan Sultan Johor dan Yang di-Pertuan Agong.

Hasil Dapatan Analisis Keseluruhan

Keseluruhan dapatan analisis memperlihatkan bahawa ilustrasi yang dipamerkan di Muzium Kota Tinggi berfungsi bukan hanya sebagai alat estetika, tetapi sebagai instrumen visual yang menggabungkan fungsi pedagogi, emosi, pengaruh tingkah laku pengunjung, dan wacana sosial. Keenam-enam aspek tersebut secara kolektif membentuk gambaran komprehensif tentang Kesultanan Johor Lama (1511-1699), dari latar belakang sejarah, genealogi pemerintah, peperangan, diplomasi, hingga ke tokoh dan adat istiadat yang mewarnai sistem sosialnya.



Rajah 5: Kerangka Konseptual Fungsi Ilustrasi Lukisan Muzium Kota Tinggi

Pedagogi Visual

Keseluruhan siri lukisan yang dipamerkan di Muzium Kota Tinggi tidak boleh dilihat sebagai karya seni semata-mata, tetapi lebih tepat difahami sebagai medium pedagogi visual. Berdasarkan kepada Rajah 1 dan Rajah 2, lukisan-lukisan yang dipamerkan di Muzium Kota Tinggi disusun berdasarkan kronologi sejarah antara tahun 1511 hingga 1699. Walaupun ia bersifat kronologi, pemilihan peristiwa yang dipaparkan pada setiap fasa sejarah jelas memperlihatkan strategi pedagogi yang digunakan oleh pihak muzium. Kronologi menyediakan kerangka naratif yang linear. Namun, pada masa yang sama kurator memilih untuk menonjolkan peristiwa tertentu seperti genealogi, struktur pentadbiran, peperangan, hubungan diplomatik, tokoh dan adat istiadat. Pemilihan ini membolehkan setiap lukisan berperanan sebagai modul pembelajaran atau “buku teks bergambar” yang membantu serta membimbing pengunjung memahami bagaimana kuasa, institusi dan identiti Johor berkembang sepanjang tempoh tersebut.

Dari perspektif pedagogi, lukisan-lukisan ini berfungsi pada dua tahap. Pertama, ia menyusun naratif sejarah dalam bentuk garis masa. Kedua, ia menekankan hubungan tafsiran tertentu seperti kestabilan politik yang melahirkan keupayaan ketenteraan atau kesinambungan dinasti

yang menegaskan kedaulatan moral dan politik. Melalui kaedah ini, pengunjung bukan sahaja mengikuti perkembangan sejarah secara kronologi tetapi juga didorong untuk memahami sebab dan akibat di sebalik sesuatu peristiwa.

Pandangan ini seiring dengan hujah Hooper-Greenhill (2000) bahawa muzium kontemporari berfungsi sebagai institusi pedagogi, di mana bahan visual bukan sekadar hiasan tetapi alat pengajaran yang menyampaikan makna. Prinsip ini semakin jelas apabila dibandingkan dengan teori konstruktivisme oleh Hein (1998), yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku apabila pengunjung diberi peluang membina kefahaman mereka sendiri. Dalam konteks Muzium Kota Tinggi, ilustrasi tentang struktur pentadbiran empat lipatan menyediakan ruang untuk pengunjung menafsir bagaimana kerajaan Johor tersusun. Misalnya lukisan yang memperlihatkan Sultan bersama Bendahara, yang menegaskan kedudukan Bendahara sebagai tokoh penting dalam mengimbangi kuasa diraja (rujuk lukisan 17). Manakala jawatan lain seperti Laksamana dan Temenggung ditampilkan dalam adegan yang memperlihatkan fungsi mereka, sama ada melalui peranan Laksamana dalam peperangan dan pertahanan maritim atau pengutipan cukai yang melibatkan Temenggung (rujuk lukisan 21, 22 dan 23). Melalui perincian ini, pengunjung dapat memahami bahawa pentadbiran Johor tidak hanya berasaskan hierarki, tetapi juga pada jaringan fungsi yang dijelmakan melalui tindakan pembesar tertentu dalam sejarah. Lukisan-lukisan ini berperanan sebagai “bahan ajar” yang membolehkan pengunjung mengaitkan sejarah dengan konsep pemerintahan yang mereka kenali dalam kehidupan moden.

Pandangan Edward Alexander (1977) turut menguatkan aspek ini. Beliau menegaskan bahawa interpretasi muzium yang baik harus mempunyai tujuan pendidikan yang jelas, bersandarkan artifak autentik dan penyelidikan sejarah yang kukuh. Hal ini tampak jelas di Muzium Kota Tinggi apabila ilustrasi digabungkan dengan artifak, membentuk komunikasi dua hala antara visual, objek dan pengunjung. Strategi ini menjadikan proses pembelajaran bersifat tidak formal tetapi menyeronokkan, membangkitkan rasa ingin tahu serta mendorong pengunjung meneroka makna sejarah secara lebih kritis

Keberkesanan pedagogi visual ini turut terletak pada kemampuannya menjangkau khalayak yang pelbagai. Bagi kanak-kanak atau pengunjung tanpa latar sejarah mendalam, lukisan genealogi dengan wajah Sultan yang divisualkan sudah cukup untuk memberi pemahaman asas tentang kesinambungan Johor. Manakala bagi pengunjung yang lebih berpengetahuan, maklumat-maklumat halus seperti simbol pakaian atau susunan kedudukan pembesar membuka ruang interpretasi lebih mendalam dan bersifat intrinsik. Hal ini menjadikan pedagogi visual sebagai medium yang inklusif, mampu memenuhi tahap pengetahuan berbeza tanpa mengorbankan mesej utama.

Kekuatan pedagogi visual juga dapat dilihat melalui teknik komposisi dan penggunaan ikonografi. Objek yang penting seperti Sultan atau pembesar ditonjolkan pada kedudukan utama dan berskala lebih besar berbanding tokoh lain. Regalia, pakaian rasmi, senjata dan panji berfungsi sebagai simbol yang mudah difahami oleh pengunjung. Unsur ini memudahkan mereka mengaitkan pakaian berlapis dengan status sosial atau pedang dengan fungsi ketenteraan. Selain itu, gabungan lukisan dengan artifak yang dipamerkan di ruang yang sama turut memperkuat makna yang ingin disampaikan. Contohnya, apabila lukisan yang memaparkan adegan peperangan ditempatkan berdekatan dengan koleksi senjata seperti meriam atau keris, pengunjung dapat menilai bukan sahaja strategi dan keberanian tentera Johor, tetapi juga bukti material yang mengesahkan penggunaan teknologi persenjataan dalam sejarah Johor Lama

Contoh lain dapat dilihat pada lukisan peperangan yang dipamerkan selepas paparan pentadbiran. Walaupun susunannya mengikuti garis masa, penekanan terhadap strategi dan kesiapsiagaan tentera Johor memberikan peluang kepada pengunjung untuk membuat tafsiran kritis. Mereka dapat menilai bahawa keupayaan Johor menghadapi ancaman luar sebenarnya berpunca daripada kestabilan dan disiplin pentadbiran yang telah divisualkan sebelumnya. Walaupun hubungan sebab-akibat ini tidak dinyatakan secara langsung, kurator menyediakan bukti visual yang cukup untuk mendorong pengunjung membuat kesimpulan tersebut.

Akhir sekali, pedagogi visual yang diterapkan di Muzium Kota Tinggi bersifat inklusif. Lukisan-lukisan ini dapat difahami pada pelbagai tahap pengetahuan. Pengunjung yang tidak memiliki latar sejarah mendalam masih boleh mendapat gambaran umum melalui kronologi dan imej yang jelas. Manakala pengunjung yang berpengetahuan lebih luas boleh membaca lapisan simbolik dan menafsirkan ikonografi yang dipaparkan. Dengan itu, pedagogi visual yang digunakan di muzium ini bukan sahaja menyampaikan fakta sejarah tetapi juga membina pengalaman pembelajaran yang bertahap, kritis dan reflektif.

Pengalaman Emosi

Dapatan daripada analisis ilustrasi menunjukkan bahawa lukisan-lukisan di Muzium Kota Tinggi bukan sahaja berfungsi menyampaikan maklumat sejarah, tetapi juga membina pengalaman emosi yang kuat bagi pengunjung. Emosi inilah yang menjadikan sejarah bukan sekadar deretan fakta, sebaliknya sesuatu yang hidup dan dekat dengan diri mereka. Melalui visual yang dramatik, penggunaan warna yang kontras, serta ekspresi wajah dan gerakan tubuh dalam ilustrasi, pengunjung dapat merasakan suasana ketegangan, kebanggaan, atau kesedihan yang mewarnai perjalanan Kesultanan Johor Lama.

Sebagai contoh, lukisan yang menggambarkan upacara adat istiadat diraja memperlihatkan Sultan Johor duduk bersemayam dengan penuh wibawa, dikelilingi pembesar serta rakyat jelata yang memakai pakaian tradisional (lihat foto 6). Adegan ini membangkitkan rasa kagum kerana ia menekankan kemegahan institusi kesultanan Melayu. Pada masa yang sama, ia menimbulkan rasa bangga dalam kalangan pengunjung Johor yang melihat warisan sejarah mereka dipaparkan secara visual. Begitu juga dengan lukisan tokoh Laksamana Johor, yang digambarkan dengan senjata terhunus dan tubuh dalam posisi tegas. Imej sebegini membangkitkan rasa hormat dan keterikatan emosi terhadap nilai kepahlawanan yang menekankan keberanian, kesetiaan dan maruah.

Pandangan Trofanenko (2011) menjelaskan bahawa imej sejarah berupaya membina hubungan emosi yang mendalam antara pengunjung dan masa lalu. Hal ini terbukti dalam konteks Muzium Kota Tinggi, di mana pengunjung bukan sahaja memahami bahawa Johor pernah memiliki pemimpin berdaulat dan pahlawan yang gagah, tetapi juga merasai kebanggaan sebagai pewaris warisan tersebut. Reaksi ini menjadikan sejarah lebih hidup, relevan dan peribadi. Emosi yang tercetus melalui visual inilah yang akhirnya menghubungkan pengetahuan sejarah dengan identiti diri dan komuniti.

Pengalaman emosi ini tidak terhad kepada rasa bangga semata-mata, tetapi turut melibatkan unsur dramatik yang mencetuskan rasa ingin tahu. Lukisan adegan peperangan memperlihatkan kapal-kapal perang di tengah laut, askar dengan wajah tegang, serta letupan meriam yang divisualkan secara dramatik (lihat foto 2). Adegan ini menimbulkan suasana genting dan membuat pengunjung membayangkan betapa besarnya cabaran yang dihadapi Johor pada abad ke-16 dan ke-17. Seperti yang dinyatakan oleh Bitgood (2013), visual yang dramatik dapat

menarik perhatian dan mengekalkan fokus pengunjung lebih lama. Dalam konteks ini, ilustrasi peperangan bukan sahaja menyampaikan maklumat tentang konflik, tetapi juga menimbulkan pengalaman seolah-olah pengunjung “terseret” ke dalam situasi yang digambarkan.

Lebih daripada itu, beberapa lukisan yang menggambarkan hubungan diplomatik Johor dengan kuasa asing turut memberi kesan emosi tersendiri. Misalnya, ketika Johor digambarkan menerima utusan dari luar dengan hadiah dan simbol penghormatan, pengunjung dapat merasai kebanggaan bahawa Johor diiktiraf sebagai kuasa penting pada zamannya. Gambaran Sultan dan pembesar yang duduk dengan penuh maruah, berhadapan dengan utusan asing yang tunduk hormat, membangkitkan rasa bahawa Johor bukan sahaja berdaulat tetapi juga dihormati oleh kuasa luar. Bagi sesetengah pengunjung, imej ini mungkin menimbulkan rasa kagum terhadap kebijaksanaan diplomasi Johor, manakala bagi pengunjung Johor atau penduduk Kota Tinggi sendiri, ia mengukuhkan rasa keterikatan identiti dengan sejarah tanah air.

Selain itu, terdapat juga ilustrasi yang menonjolkan situasi sosial masyarakat, misalnya dalam adegan pengutipan cukai atau interaksi antara rakyat dengan pembesar. Walaupun ia bukan peristiwa dramatik seperti peperangan, lukisan sebegini membangkitkan perasaan yang berbeza kerana ia memaparkan kehidupan seharian rakyat pada zaman dahulu. Pengunjung dapat membayangkan kesungguhan rakyat dalam memenuhi tanggungjawab mereka, di samping memahami bagaimana pengurusan kerajaan dilaksanakan. Adegan ini membangkitkan rasa empati, kerana ia menghubungkan kehidupan masyarakat silam dengan realiti kehidupan moden yang juga berasaskan tanggungjawab bersama.

Emosi yang dibangkitkan melalui lukisan-lukisan ini juga berfungsi menyampaikan nilai moral. Lukisan adat istiadat misalnya menekankan kepatuhan kepada Sultan sebagai simbol kesetiaan. Lukisan tokoh pahlawan menonjolkan nilai keberanian dan maruah. Adegan diplomasi menekankan kebijaksanaan serta keterbukaan terhadap hubungan antarabangsa, manakala adegan sosial memaparkan nilai tanggungjawab dan kesepakatan dalam masyarakat. Dengan cara ini, pengalaman emosi bukan sekadar perasaan sesaat tetapi membentuk kesedaran yang lebih mendalam tentang nilai-nilai yang menjadi teras kepada jati diri bangsa.

Secara keseluruhannya, pengalaman emosi yang dibangkitkan oleh lukisan-lukisan di Muzium Kota Tinggi memperkuat fungsi pedagogi yang telah dibincangkan sebelumnya. Jika pedagogi memberi struktur dan maklumat, emosi pula menyalurkan roh kepada sejarah, menjadikannya lebih bermakna dan mendalam. Dengan memanfaatkan kekuatan visual untuk menyentuh hati pengunjung, muzium berjaya menghubungkan naratif Kesultanan Johor Lama dengan pengalaman peribadi khalayaknya.

Tingkah Laku dan Perhatian Pengunjung

Hasil analisis terhadap ilustrasi di Muzium Kota Tinggi menunjukkan bahawa salah satu kekuatan pameran ialah keupayaannya mengawal dan mengarahkan tingkah laku serta perhatian pengunjung melalui elemen visual. Setiap lukisan tidak dipamerkan secara rawak, tetapi disusun mengikut kronologi dari tahun 1511 hingga 1699. Susunan ini menjadikan pengunjung bergerak dari satu peristiwa ke peristiwa lain dengan teratur, seolah-olah mereka sedang “mengikuti jalan cerita” sejarah Kesultanan Johor Lama. Dengan cara ini, lukisan bertindak sebagai panduan yang mengawal arah pergerakan pengunjung sekali gus mengekalkan perhatian mereka terhadap naratif yang ingin disampaikan.

Seperti yang ditegaskan oleh Bitgood (2013) menyatakan bahawa perhatian pengunjung dalam muzium sering dipengaruhi oleh reka bentuk pameran, terutamanya apabila elemen visual digunakan secara dramatik dan berfokus. Dapatan analisis mendapati beberapa lukisan peperangan, dengan warna kontras, adegan penuh aksi, dan komposisi padat, menarik minat pengunjung untuk berhenti lebih lama. Situasi ini berbeza dengan lukisan adat istiadat atau diplomasi yang lebih tenang tetapi tetap memerlukan fokus kerana perincian pakaian, simbol, dan susun atur tokoh memerlukan pengamatan lebih teliti. Fenomena ini selari dengan hujah Bitgood bahawa elemen dramatik meningkatkan masa tontonan, manakala elemen simbolik memperdalam proses kognitif.

Selain aspek visual, kedudukan lukisan yang diselang-seli dengan artifak turut mempengaruhi tingkah laku pengunjung. Misalnya, selepas melihat ilustrasi peperangan laut, pengunjung disajikan dengan pameran meriam dan senjata yang asli. Hubungan antara lukisan dan artifak ini mendorong pengunjung untuk bergerak dari imej kepada objek sebenar, lalu memperluas pengalaman mereka daripada sekadar melihat kepada menilai bukti sejarah yang konkrit. Falk dan Dierking (2000), melalui *Contextual Model of Learning*, menjelaskan bahawa interaksi pengunjung dipengaruhi oleh gabungan konteks peribadi, sosial, dan fizikal. Dalam konteks ini, fizikal ruang pameran yang menghubungkan lukisan dengan artifak mencetuskan aliran tingkah laku yang semula jadi yakni melihat, bergerak, membandingkan, dan akhirnya memahami.

Lebih daripada itu, kehadiran ilustrasi yang dramatik dan simbolik bukan sahaja mengekalkan fokus, tetapi juga mencetuskan perbualan dan pertanyaan baharu dalam kalangan pengunjung. John Cotton Dana (1999) pernah menegaskan bahawa muzium yang baik ialah yang mampu menarik, menghiburkan, dan menimbulkan rasa ingin tahu. Fenomena ini mampu berlaku di Muzium Kota Tinggi, apabila pengunjung bukan sahaja menonton, tetapi turut berbincang, bertanya, dan menafsir bersama rakan atau keluarga mereka. Ini menepati pandangan Falk dan Dierking (2000) bahawa pengalaman muzium berlaku dalam konteks sosial, di mana pameran berfungsi sebagai pencetus perbualan yang mengukuhkan kefahaman.

Reaksi pengunjung berbeza mengikut latar belakang mereka antara pengunjung tempatan dan luar. Bagi pengunjung Johor, melihat lukisan yang menggambarkan Sultan Alauddin Riayat Syah atau Bendahara Tun Habib mungkin mendorong mereka berhenti lebih lama kerana merasakan kaitan identiti yang dekat. Sebaliknya, pengunjung luar mungkin lebih tertarik kepada lukisan diplomasi atau peperangan kerana menekankan hubungan antarabangsa yang mereka kenali melalui sejarah global. Keadaan ini memperlihatkan bahawa perhatian pengunjung bukan sahaja dipandu oleh reka bentuk visual, tetapi juga oleh latar belakang pengetahuan dan pengalaman peribadi mereka.

Serrell (1996) menekankan bahawa pameran yang efektif ialah pameran yang mampu “memimpin” pengunjung memberi tumpuan secara berperingkat. Muzium Kota Tinggi menepati ciri ini apabila lukisan disusun mengikut naratif kronologi, bermula dengan genealogi Sultan, kemudian peperangan, seterusnya diplomasi, tokoh, dan adat istiadat. Urutan ini membantu pengunjung mengekalkan fokus terhadap naratif keseluruhan, tanpa hilang arah dalam memahami konteks sejarah yang kompleks. Dengan kata lain, visual telah secara halus “mengarahkan” laluan interpretasi pengunjung.

Secara keseluruhannya, tema tingkah laku dan perhatian pengunjung memperlihatkan bahawa ilustrasi di Muzium Kota Tinggi tidak hanya bersifat statik sebagai bahan visual, tetapi

berperanan aktif dalam memandu pergerakan, menentukan fokus, dan merangsang interaksi. Dengan reka bentuk visual yang dramatik, simbolik, dan kronologis, muzium berjaya mengekalkan perhatian pengunjung terhadap naratif besar Kesultanan Johor Lama, sekaligus memastikan mesej sejarahnya difahami secara menyeluruh.

Wacana Sosial dan Budaya

Akhir sekali, hasil analisis keseluruhan ilustrasi yang dipamerkan di Muzium Kota Tinggi memperlihatkan bahawa lukisan bukan sahaja berperanan sebagai medium penyampaian fakta sejarah, tetapi juga sebagai wahana yang membentuk wacana sosial dan budaya tentang Kesultanan Johor Lama. Lukisan-lukisan tersebut menampilkan identiti kolektif Melayu-Johor yang berakar pada tiga elemen utama, iaitu kuasa politik berpusat kepada Sultan, kepahlawanan pembesar dan laksamana, serta penerapan nilai adat dan agama dalam kehidupan berkerajaan. Dengan cara ini, ilustrasi berfungsi sebagai “naratif visual” yang menyampaikan bukan sahaja fakta sejarah, tetapi juga gambaran tentang bagaimana masyarakat Johor ingin dilihat dan diingati dalam sejarah.

Pandangan ini seiring dengan gagasan Desvallées dan Mairesse (2009) yang menekankan bahawa visual dalam pameran muzium tidak boleh dilihat hanya sebagai medium komunikasi sejarah, tetapi juga sebagai sebahagian daripada wacana sosial dan budaya yang dibentuk oleh institusi muzium. Lukisan-lukisan di Muzium Kota Tinggi, misalnya, tidak sekadar menggambarkan peperangan atau diplomasi, tetapi menonjolkan nilai budaya yang lebih luas seperti kesetiaan kepada Sultan, keberanian mempertahankan tanah air, dan penghormatan terhadap adat istiadat. Dengan itu, muzium bukan sahaja menafsir sejarah, tetapi juga meneguhkan identiti kolektif masyarakat Melayu Johor melalui simbol-simbol visual yang dipamerkan.

Contoh yang jelas dapat dilihat pada lukisan yang memaparkan adat istiadat pertabalan Sultan. Dalam lukisan ini, pengunjung bukan sahaja melihat proses pertabalan sebagai peristiwa politik, tetapi juga sebagai refleksi budaya yang menekankan kesakralan institusi diraja. Pakaian kebesaran, panji-panji, dan tatacara yang divisualkan dalam ilustrasi memberi makna bahawa pemerintahan Johor bukan sekadar sistem politik, tetapi sebuah institusi budaya yang berteraskan adat dan agama Islam. Dengan cara ini, ilustrasi berperanan menyalurkan wacana bahawa kuasa politik Johor sentiasa dibingkai oleh nilai budaya dan agama yang mendasarinya.

Selain itu, lukisan-lukisan yang menggambarkan tokoh penting seperti Laksamana atau Bendahara turut membina wacana kepahlawanan dan kesetiaan. Laksamana misalnya, sering divisualkan dalam posisi yang tegas dengan pakaian kebesaran tentera dan senjata terhunus, atau ilustrasi rakyat yang berani, setia dan semangat juang terlibat dalam peperangan dalam usaha mempertahankan kerajaan. Gambaran ini tidak hanya berfungsi sebagai rekod tentang kewujudan jawatan ketenteraan dalam kerajaan Johor, tetapi juga sebagai simbol budaya yang menekankan bahawa keberanian dan kesetiaan adalah inti jati diri Melayu-Johor suatu ketika dahulu. Dengan menampilkan imej-imej ini, muzium mengukuhkan satu naratif budaya bahawa sejarah Johor bukan sekadar tentang kuasa politik, tetapi juga tentang nilai-nilai sosial yang membentuk masyarakatnya.

Secara keseluruhan, tema wacana sosial dan budaya dalam ilustrasi ini mengukuhkan kedudukan Muzium Kota Tinggi sebagai institusi yang bukan sahaja memaparkan sejarah, tetapi juga menafsirkan semula nilai budaya dan identiti bangsa Melayu Johor. Ia menjadikan

pameran bukan sahaja ruang pembelajaran sejarah, tetapi juga medan untuk membina dan mengekalkan memori kolektif yang dipandu oleh wacana sosial dan budaya.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa ilustrasi lukisan yang dipamerkan di Muzium Kota Tinggi mempunyai peranan signifikan dalam menyampaikan sejarah Kesultanan Johor Lama (1511–1699). Melalui analisis terhadap enam aspek utama yang ditonjolkan, iaitu sejarah awal, genealogi, struktur pentadbiran, peperangan, hubungan diplomatik, tokoh serta adat istiadat, dapat dilihat bahawa lukisan telah dipilih secara selektif untuk membentuk naratif kronologi yang jelas dan berfokus. Pemilihan ini membuktikan bahawa muzium bukan sekadar berfungsi sebagai repositori artifak, tetapi sebagai institusi yang mengatur makna dan memori sejarah.

Ilustrasi berperanan sebagai medium pedagogi yang efektif kerana ia menyampaikan mesej sejarah dalam bentuk visual yang mudah diakses oleh khalayak dengan tahap pengetahuan berbeza. Pada masa yang sama, ia membangkitkan pengalaman emosi, menarik perhatian pengunjung, dan mengekalkan fokus mereka terhadap naratif pameran. Lebih jauh, ilustrasi turut mencerminkan wacana sosial dan budaya yang menekankan jati diri, nilai, serta legitimasi politik yang ingin diwariskan kepada generasi kini.

Secara keseluruhan, objektif kajian untuk meneliti dan menganalisis ilustrasi yang dipamerkan di Muzium Kota Tinggi jelas telah dicapai. Kajian ini memperlihatkan bahawa visual mampu memperkukuh naratif sejarah dan memberi impak yang lebih mendalam berbanding teks semata-mata. Dapatan ini menegaskan kepentingan ilustrasi dalam pameran muzium sejarah, bukan sahaja sebagai alat komunikasi visual, tetapi juga sebagai instrumen yang membentuk kefahaman, emosi, dan identiti kolektif masyarakat terhadap warisan Kesultanan Johor Lama (1511-1699).

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- A. Samad Ahmad (ed.). (1979). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Talib Ahmad. (2008). State Museums And Their Representations Of The Past In Malaysia, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. 81(2). 45-70.
- Andaya, L.Y. (1987). *Kerajaan Johor-Riau 1641 – 1728*. Pembangunan Ekonomi dan Politik. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bennett, T. (1995). *The Birth of the Museum: History, Theory, Politics*. Routledge.
- Bitgood, S. (2013). *Attention and value: Keys to understanding museum visitors*. Walnut Creek, CA: Left Coast Press.
- Buyong Adil. (1980). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. (2020). *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cameron, D. F. (1971). The Museum. a Temple or the Forum. *Curator: The Museum Journal. Wiley-Blackwell*. 14(1). 11-24.
- Dean, D. (1994). *Museum Exhibition: Theory and Practices*. London. Routledge.
- Desvallées, A., & Mairesse, F. (Eds.). (2009). *Key concepts of museology* (S. Connah, Trans.). Armand Colin / ICOM.
- Edward Alexander. (1977). “What is Interpretation?”. *Longwood Program seminars*. The Interpretation Program of Colonial Williamsburg.
- Falk, J. H., & Dierking, L. D. (1992). *The Museum Experience*. Whalesback Books.
- Falk, J. H., & Dierking, L. D. (2000). *Learning from museums: Visitor experiences and the making of meaning*. Walnut Creek, CA: AltaMira Press.
- Goode, G. B. (1895). *The principles of museum administration*. Annual Report of Museum Association. Smithsonian Institue Nationan Museum.
- Greenhill, E. H. (1992). *Museum and The Shaping of Knowledge*. Routledge.
- Greenhill, E. H. (2000). *Museums and the Interpretation of Visual Culture*. London: Routledge.
- Hein, G. E. (1998). *Learning In The Museum*. London: Routledge.
- International Council of Museum (ICOM). 1990. *ICOM Statutes: Code of Professional Ethics*: 3. ICOM.
- Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli & Maizura Osman. (2023). Cerminankuasa Melalui Peribahasa Melayu Yang Berobjekkan ‘Gajah’ Dan ‘Harimau’: Analisissemantik Inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*. 2. 241–266.
- Kamarudin Ab. Razak. (2005). *Kesultanan Johor Sehingga 1699 Dalam Ilustrasi*. Yayasan Warisan Johor.
- Kirshenblatt-Gimblett, B. (1998). *Destination Culture: Tourism, Museums, and Heritage*. University of California Press.
- Kobku, S. P. (1988). *Thai-malay relations: traditional intra-regional relations from the seventeenth to the early twentieth centuries*. Oxford University Press.
- Linehan, W. (1951). “The Nobat and The Orang Kalau of Perak”. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. 24(3). hlm 60-68.
- Mardiana Nordin. (2008). *Politik Kerajaan Johor 1718 – 1862*. Yayasan Warisan Johor.
- McKew, R. (2022). *Museum Displays And Interpretation*. The Heritage Council. Association of Independent Museum.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1993). Peperangan Melayu dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia: Satu Telahan Awal. *Tamadun Melayu*. 1. Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 1-220.

- Nor Afian Yusof, Maharam Mamat, Kar Keng Lim, & Hamdzun Haron. (2022). Keris: Mengenal Asal-Usul, Falsafah dan Fungsi. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 23. 66-90.
- Nurul Izzati Mustafa & Adnan Jusoh. (2018). Naskhah Mantra Gajah dalam Sejarah Sosiobudaya Masyarakat Melayu [Mantra Gajah in Sociocultural History of Malay Society]. *AJEHJ / SPAJ-UKM*.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2017). Kerencatan Hubungan diplomatik Kesultanan Melayu Melaka. Johor dan Aceh. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. 25. Universiti Malaysia Sabah. hlm 107-136.
- Serrell, B. (1996). *Exhibit labels: An Interpretive Approach*. Walnut Creek, CA: AltaMira Press.
- Sheppard, M. C., (1958). "The Nobat". *Malaya in History*. 4.
- Tilden, F. 1977. *Interpreting Our Heritage*. Chapel Hill. University of North Carolina Press.
- Trofanenko, B. (2011). The Educational Legacy Of Museum Exhibitions. *Canadian Review of Art Education: Research and Issues*. 38(1). hlm 23–35.
- William A. Peniston. (1999). The Museum. *Selected Writings of John Cotton Dana*. American Association of Museum and the Newark Museum. Washinton, D. C.

Tesis

- Ismail, Nurizzati. (2014). *Peranan Warna Dalam Budaya Tradisional Melayu Dengan Rujukan Kepada Sulalat Al Salatin*. Masters thesis, Universiti Sains Malaysia.

Laman Sesawang

- International Council of Museum, *Museum Definition*, dipetik dari <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>, pada 4 Julai 2025.
- Oxford Advanced American Dictionary, *Definition of Museum*, dipetik dari https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/american_english/museum#:~:text=noun,noun,modern%20art%20a%20science%20museum, pada 4 Jun 2025.

Temu bual

- Murnira Mastar, Penolong Pegawai Tadbir / Kurator Muzium, Muzium Kota Tinggi, temu bual pada 3 Oktober 2023.